

CNS6786

R GB 13-06 00179 B148

REPEAT aab

Mahathir - Keretapi

KERETAPI ELEKTRIK EKSPRES BUKIT KAYU HITAM-SINGAPURA AKAN DIADAKAN

MELAKA, 13 Jun (Bernama) -- Malaysia merancang untuk mewujudkan perkhidmatan keretapi elektrik ekspres dari Bukit Kayu Hitam, Kedah ke Singapura untuk memenuhi keperluan pengangkutan yang pantas kepada orang ramai, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, kerajaan telah membuat keputusan untuk menjalankan kajian kemungkinan bagi projek itu dan telah menerima beberapa tawaran dari negara asing termasuk Perancis untuk menjalankan kajian itu.

Rancangan itu adalah lanjutan daripada perwujudan perkhidmatan keretapi elektrik dari Seremban ke Rawang melalui Kuala Lumpur dan dari Kuala Lumpur ke Pelabuhan Klang di bawah sistem landasan berkembar sekarang, kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan sebuah kilang besi keluli di Air Keroh di sini.

Dr Mahathir berkata, untuk membolehkan rancangan itu dilaksanakan, kerajaan berpendapat landasan keretapi yang sedia ada di sepanjang laluan itu perlu dibetulkan bagi membolehkan keretapi itu bergerak dengan pantas.

Kerajaan menjangka kajian itu akan dapat dimulakan dalam masa enam bulan hingga setahun ini, katanya. -- Laqi.

♥13/06/16-48MST

U GB 13-06 00158 BA735

aab

Mahathir - Keretapi 2 Melaka

"Pihak-pihak asing baru membuat tawaran, tetapi kerajaan telah membuat keputusan untuk menjalankan kajian, kalau tiada tawaranpun kita akan membuatnya juga," katanya.

Kerajaan setakat ini belum menentukan siapakan yang akan membuat pelaburan bagi projek keretapi elektrik itu, bagaimanapun ada dua kemungkinan pelaburan itu dapat dilaksanakan.

"Sekarang kita serahkan kepada Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTM), mungkin pelaburan dibuat oleh KTM, mungkin juga kerajaan membuat pelaburan dan selepas itu kita tawar pindah kepada KTM... itu terpulanglah," katanya.

Apabila ditanya tentang alasan bagi kerajaan mahu mewujudkan perkhidmatan itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan berpendapat keretapi merupakan sejenis kenderaan yang berkesan sekali di negara yang maju seperti Jepun dan di negara membangun seperti India.

"Penduduk Malaysia kian bertambah, mereka kian mewah dan mereka hendak segala kemudahan yang ada. Ada masanya mereka akan menggunakan kereta, ada masanya akan 'terhang' dan ada masanya mereka akan menggunakan keretapi," katanya. -- Laqi.

♥13/06/16-08MST

aab

Mahathir - Keretapi 3 Melaka

Dr Mahathir berkata, di negara lain seperti Jepun dan Eropah, rakyat negara berkenaan mempunyai pilihan sama ada menggunakan jalan raya, kapal terbang atau kereta api.

Katanya, beliau belum meletakkan sasaran lentang bila perkhidmatan itu dapat diwujudkan tetapi menjangkakan bahawa projek itu akan memakan masa yang lebih lama daripada pembinaan lebuh raya.

Perdana Menteri menimbulkan secara sepintas lalu mengenai rancangan mewujudkan perkhidmatan keretapi elektrik itu ketika berucap, merasmikan upacara pecah tanah bagi Bandar Teknologi Komposit di Batu Berendam di sini pagi ini.

Perkara itu timbul apabila beliau secara berjenaka menjawab permintaan Ketua Menteri Tan, Sri Abdul Rahim Tamby Chik yang meminta kerajaan persekutuan melebarkan lapangan terbang Batu Berendam sesuai dengan pembangunan kawasan itu sebagai bandar pusat industri penerbangan.

Secara harseloroh, beliau berkata **Melaka** tidak lagi perlu melebarkan lapangan terbangnya kerana perjalanannya menggunakan lebuh raya adalah lebih cepat daripada menggunakan kapal terbang untuk ke negerinya. -- lagi.

13/06/16-27MST

CNS6816

R GB 13-06 99167 BA752

aab

Mahathir - Keretapi 4 Melaka

Bandar Teknologi Komposit itu akan dibangunkan di kawasan seluas 200 hektar secara berperingkat-peringkat. Fasa pertamanya ialah pembinaan kilang mengeluarkan bahan-bahan komposit termasuk komponen bagi syarikat Eagle Aircraft, Malaysia Sdn Bhd yang berpangkalan di Perth, Australia.

Fasa kedua ialah pembinaan kilang pemasangan pesawat ringan Eagle Aircraft.

Projek itu dikendalikan oleh Composites Technology Development Corporation (CTDC) yang dioperasikan oleh Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman. CTDC ialah sebuah syarikat usahasama antara Composites Technology Research (M) Sdn Bhd, sebuah syarikat milik Menteri Kewangan Di perbadankan, dengan Ikhlas Perdana, sebuah syarikat milik FACB Bhd.

CTRM memegang 30 peratus sahamnya manakala Ikhlas Perdana pula memegang saham selebihnya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak berhasrat bersaing dengan mana-mana pihak dalam perusahaan pembuatan kapal terbang, kerana pengeluaran pesawat kecil Eagle sudah memadai bagi negara yang kecil seperti Malaysia.

"Kita tidak berhasrat membina B747 jadi sesi apapun tidak harus khuatir mengenai perkara ini," katanya, disambut dengan gelak ketawa. -- lagi.

13/06/17-04MST

CNS6820

R GB 13-06 00080 BA753

aab

Mahathir - Keretapi 5 (Akhir) Melaka

"Apa yang Malaysia mahukan ialah mendapatkan teknologi komposit dan kemahiran pembuatan kapal terbang untuk rakyatnya sebagai persediaan mencapai matlamat negara maju menjelang tahun 2020.

Dengan adanya industri teknologi tinggi di negara ini Malaysia akan dapat meningkatkan prestasi perindustrian ke tahap yang lebih baik," katanya.

"Wawasan 2020 bukan angan-angan Mat Jenin, kita dah capai banyak kejayaan... ini boleh menjadi kenyataan," katanya. -- Bernama

AFY NMO